## MINGGU 07

# JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman*
*Kembaliku dengan kemabruran*

MINGGU
07

JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

# TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيكَ لَبَّيكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ لَبَّيكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَ شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.
HambaMu datang menyahut panggilanMu.
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

# OBJEKTIF

1. Menyenaraikan jenis-jenis Haji
2. Menerangkan cara-cara mengerjakan Haji Tamattu', Ifrad dan Qiran

# KANDUNGAN

## 01 Jenis-jenis Haji berdasarkan hukum

- Haji Fardhu
- Haji Badal
- Haji Sunat
- Haji Nazar
- Haji Qada'

## 02 Jenis-jenis Haji berdasarkan kaedah pelaksanaan

- Haji Tamattu'
- Haji Ifrad
- Haji Qiran

**NOTA** Jemaah haji yang mengerjakan Haji Tamattu' atau Qiran, dikenakan Dam Tertib dan Taqdir. Jemaah haji yang mengerjakabn Haji Ifrad, TIDAK dikenakan dam.

MINGGU 07

JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

# JENIS-JENIS HAJI

01

## Haji Fardhu

Juga dikenali sebagai Haji Islam atau Haji Wajib. Ia adalah ibadat Haji yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang memenuhi syarat-syarat wajib Haji sekali seumur hidup.

02

## Haji Badal

Juga dikenali sebagal Haji Niyabah atau upah Haji. Ia adalah ibadat Haji yang ditunaikan oleh seseorang untuk orang lain menurut syarat-syaratnya.

03

## Haji Sunat

Juga dikenali sebagai Haji Tatawwu'. Ia adalah ibadat Haji yang ditunaikan oleh muslim yang telah menunaikan Haji Fardhu.

# JENIS-JENIS HAJI

04

## Haji Nazar

Haji Nazar ialah ibadat Haji yang wajib ditunaikan oleh muslim yang telah bernazar untuk menunaikan Haji kerana Allah S.W.T

05

## Haji Qada'

Haji Qada' ialah ibadat Haji yang ditunaikan oleh muslim sebagai menggantikan (qada') Haji yang fasad pada yang terdahulu.

MINGGU 07

JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

# CARA MENGERJAKAN HAJI

## 01 Haji Tamattu’

Mengerjakan Umrah dahulu dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Haji pada tahun yang sama.

## 02 Haji Ifrad

Mengerjakan Haji dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Umrah.

## 03 Haji Qiran

### CARA 1

Berniat mengerjakan Haji dan Umrah serentak dalam bulan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji. Umrah pula dikira selesai sebaik saja selesai menunaikan Haji.

### CARA 2

Berniat mengerjakan Umrah sahaja, tetapi sebelum Tawaf dia berniat mengerjakan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji.

# HAJI TAMATTU'

- **Berniat mengerjakan Umrah dahulu dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Haji pada tahun yang sama.**

- **Niat mengerjakan Haji Tamattu':**

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

**Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.**

**Niat dalam hati**
(semasa dalam perjalanan ke Makkah, di Qarn Al-Manazil atau Bi'r Ali)

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

**Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.**

**Niat dalam hati**
(Pada 8 Zulhijjah di Bangunan Penginapan Makkah)

# HAJI TAMATTU': CARA MENGERJAKAN UMRAH

Boleh dilakukan dari 1 Syawal hingga 9 Zulhijjah




| | | |
|---|---|---|
| Di mana-mana sebelum berniat | Mandi sunat ihram | SUNAT |
| | Memakai pakaian ihram | WAJIB |
| | Sembahyang sunat ihram | SUNAT |
| Di Miqat | Niat ihram Umrah | RUKUN |
| | Niat Umrah di Miqat | WAJIB |
| Selepas niat sehingga bergunting | Menjaga larangan dalam masa berihram | WAJIB |
| Selepas niat sehingga mula Tawaf | Talbiah | SUNAT |
| Di Baitullah | Tawaf Umrah | RUKUN |
| Di Mas'a | Sa'ie Umrah | RUKUN |
| Di Marwah / di mana-mana | Bercukur atau bergunting | RUKUN |
| | Tertib melaksanakan rukun | RUKUN |

**NOTA** Sementara menunggu hari wuquf jemaah haji eloklah membuat amalan sunat seperti mengerjakan umrah sunat, tawaf sunat & berjemaah di Masjidil Haram mengikut kemampuan

MINGGU 07

JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

# HAJI TAMATTU': CARA MENGERJAKAN HAJI

| Masa / Tempat | Amalan | Hukum |
| --- | --- | --- |
| Di Makkah — ZULHIJJAH 08 atau ZULHIJJAH 09 | Mandi sunat ihram | SUNAT |
| | Memakai ihram (bagi lelaki) | WAJIB |
| | Sembahyang sunat ihram | SUNAT |
| | Niat ihram Haji | RUKUN |
| | Niat ihram Haji di Miqat (Tanah Haram) | WAJIB |
| Lepas niat hingga Tahallul | Menjaga larangan dalam masa berihram | WAJIB |
| Lepas niat hingga mula melontar | Talbiah | SUNAT |
| ZUHUR ZULHIJJAH 09 — Di 'Arafah | Wuquf | RUKUN |
| Separuh Malam ZULHIJJAH 10 — Di Muzdalifah | Mabit di Muzdalifah | WAJIB |
| | Mengutip anak batu di Muzdalifah | SUNAT |

# HAJI TAMATTU': CARA MENGERJAKAN HAJI

## Di Mina

| ZULHIJJAH | ZULHIJJAH | ZULHIJJAH | ZULHIJJAH |
|---|---|---|---|
| 10 | 11 | 12 | 13 |

- Melontar Jamrah Kubra — WAJIB
- Bercukur atau bergunting — RUKUN

→ Tahallul Awwal

- Mabit di Mina pada 11,12,13 Zulhijjah — WAJIB
- Melontar 3 Jamrah pada 11,12,13 Zulhijjah — WAJIB

## Selepas Wuquf



### Di Baitullah

- Tawaf Haji — RUKUN

### Di Mas'a

- Sa'ie Haji — RUKUN

→ Tahallul Thani

- Tertib pada kebanyakan rukun — RUKUN

# HAJI IFRAD

- Berniat mengerjakan Haji dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Umrah setelah selesai amalan Haji.

- Niat mengerjakan Haji Ifrad:

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.

**Niat dalam hati**
(semasa dalam perjalanan ke Makkah, di Qarn Al-Manazil atau Bi'r Ali)

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.

**Niat dalam hati**
(Berniat di mana-mana tanah halal seperti di Tan'iem)

# HAJI IFRAD: CARA MENGERJAKAN HAJI

Boleh dilakukan dari 1 Syawal hingga 9 Zulhijjah




| Tempat / Masa | Amalan | Hukum |
| --- | --- | --- |
| Di mana-mana sebelum berniat | Mandi sunat ihram | SUNAT |
| | Memakai pakaian ihram | WAJIB |
| | Sembahyang sunat ihram | SUNAT |
| Di Miqat Haji | Niat ihram Haji | RUKUN |
| | Niat ihram Haji di Miqat | WAJIB |
| Lepas niat hingga Tahallul | Menjaga larangan dalam masa berihram | WAJIB |
| Lepas niat hingga mula melontar | Talbiah | SUNAT |
| Di Baitullah | Tawaf Qudum | SUNAT |
| Di Mas'a | Sa'ie haji* | WAJIB |

* Diberi pilihan untuk melakukan sebelum atau selepas wuquf tetapi mesti selepas tawaf.

# HAJI IFRAD: CARA MENGERJAKAN HAJI

| Tarikh | Tempat | Amalan | Hukum |
|---|---|---|---|
| 09 Zulhijjah | Di 'Arafah | Wuquf | RUKUN |
| Separuh Malam 10 Zulhijjah | Di Muzdalifah | Mabit di Muzdalifah | WAJIB |
| | | Mengutip anak batu di Muzdalifah | SUNAT |
| 10, 11, 12, 13 Zulhijjah | Di Mina | Melontar Jamrah Kubra | WAJIB |
| | | Bercukur atau bergunting | RUKUN |
| | | Mabit di Mina 11,12,13 Zulhijjah | WAJIB |
| | | Melontar 3 jamrah pada 11,12,13 Zulhijjah | WAJIB |
| Selepas Wuquf | Di Baitullah | Tawaf Haji | RUKUN |
| | Di Mas'a | Sa'ie Haji (jika belum)* | RUKUN |
| | | Tertib pada kebanyakan rukun | RUKUN |

Melontar Jamrah Kubra + Bercukur atau bergunting → Tahallul Awwal

Tawaf Haji + Sa'ie Haji → Tahallul Thani



** Diberi pilihan untuk melakukan sebelum atau selepas wuquf*

JENIS HAJI DAN CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

# HAJI IFRAD: CARA MENGERJAKAN UMRAH

| | | |
|---|---|---|
| Di mana-mana sebelum berniat | Mandi sunat ihram | SUNAT |
| | Memakai pakaian ihram | WAJIB |
| | Sembahyang sunat ihram | SUNAT |
| Di Miqat (Tanah Halal) | Niat ihram umrah | RUKUN |
| | Niat ihram umrah di Miqat | WAJIB |
| Selepas niat sehingga bergunting | Menjaga larangan dalam masa berihram | WAJIB |
| Selepas niat sehingga mula tawaf | Talbiah | SUNAT |
| Di Baitullah | Tawaf umrah | RUKUN |
| Di Mas'a | Sa'ie umrah | RUKUN |
| Di Marwah / di mana-mana | Bercukur atau bergunting | RUKUN |
| | Tertib melaksanakan rukun | RUKUN |

# HAJI QIRAN

| CARA PERTAMA | Berniat mengerjakan Haji dan Umrah serentak dalam pada bulan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji. Umrah pula dikira selesai sebaik saja selesai menunaikan Haji (dua dalam satu). |
|---|---|

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku mengerjakan haji dan umrah dan aku berihram dengan kedua-duanya kerana Allah taala.

**Niat dalam hati**
(semasa dalam perjalanan ke Makkah, di Qarn Al-Manazil atau Bi'r Ali)

# HAJI QIRAN

| CARA KEDUA | Berniat mengerjakan Umrah sahaja, tetapi sebelum memulakan Tawaf Umrah, dia berniat mengerjakan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji. |
|---|---|

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku mengerjakan umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.

**Niat dalam hati**
(semasa dalam perjalanan ke Makkah, di Qarn Al-Manazil atau Bi'r Ali)

**Lafaz**

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.

**Niat dalam hati**
(Pada 8 Zulhijjah di Bangunan Penginapan Makkah)

# HAJI QIRAN: CARA MENGERJAKAN HAJI & UMRAH

Boleh dilakukan dari 1 Syawal hingga 9 Zulhijjah




| Tempat / Masa | Amalan | Hukum |
|---|---|---|
| Di mana-mana sebelum berniat | Mandi sunat ihram | SUNAT |
| | Memakai pakaian ihram | WAJIB |
| | Sembahyang sunat ihram | SUNAT |
| Di Miqat Haji | Niat ihram Haji & Umrah | RUKUN |
| | Niat ihram Haji & Umrah di Miqat | WAJIB |
| Lepas niat hingga Tahallul | Menjaga larangan dalam masa berihram | WAJIB |
| Lepas niat hingga mula melontar | Talbiah | SUNAT |
| Di Baitullah | Tawaf Qudum | SUNAT |
| Di Mas'a | Sa'ie Haji (Haji & umrah*) | RUKUN |

* Diberi pilihan untuk melakukan sebelum atau selepas wuquf tetapi hendaklah selepas tawaf.

# HAJI QIRAN: CARA MENGERJAKAN HAJI & UMRAH

| Tarikh / Masa | Tempat | Amalan | Hukum | |
|---|---|---|---|---|
| ZULHIJJAH 09 | Di 'Arafah | Wuquf | RUKUN | |
| Separuh Malam ZULHIJJAH 10 | Di Muzdalifah | Mabit di Muzdalifah | WAJIB | |
| | | Mengutip anak batu di Muzdalifah | SUNAT | |
| ZULHIJJAH 10, ZULHIJJAH 11, ZULHIJJAH 12, ZULHIJJAH 13 | Di Mina | Melontar Jamrah Kubra | WAJIB | Tahallul Awwal |
| | | Bercukur atau bergunting | RUKUN | Tahallul Awwal |
| | | Mabit di Mina pada 11,12,13 Zulhijjah | WAJIB | |
| | | Melontar 3 Jamrah pada 11,12,13 Zulhijjah | WAJIB | |
| Selepas Wuquf | Di Baitullah | Tawaf Haji & Umrah | RUKUN | Tahallul Thani |
| | Di Mas'a | Sa'ie Haji & Umrah (jika belum) | RUKUN | Tahallul Thani |
| | | Tertib pada kebanyakan rukun | RUKUN | |



# HAJI QIRAN

## PERHATIAN: HAJI QIRAN CARA 2

- Berniat mengerjakan Umrah sahaja, tetapi sebelum mengerjakan Tawaf Umrah dia berniat mengerjakan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji.

- Contoh kes ini : wanita kedatangan haid selepas niat Umrah (sama ada Umrah wajib atau sunat). Haid tidak kering sehingga tarikh berangkat ke ‘Arafah.

**NOTA** Jemaah haji yang tidak sempat menyempurnakan Umrah kerana sakit, terhalang atau koma juga boleh melaksanakan Haji Qiran.

# KESIMPULAN

1. Jemaah Haji yang memilih untuk melaksanakan Haji Tamattu', dia hendaklah berniat ihram UMRAH sahaja di Miqat sebelum sampai ke Makkah.

2. Jemaah Haji yang telah berniat ihram Haji Ifrad atau Haji Qiran di Miqat sebelum sampai ke Makkah, dia tidak perlu mengulang semula niat ihram sebelum bergerak ke 'Arafah pada 8 atau 9 Zulhijjah.

# Belajar Haji
## kini lebih mudah secara dalam talian!

**Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:** Download on the App Store | ANDROID APP ON Google play



# Belajar Haji
## kini lebih mudah secara dalam talian!
# e-Bimbingan Haji




**01**
**Pilih**
Login kali pertama?
Log masuk kali pertama?

**02**
No Pendaftaran Haji/PEKTA
No. Kad Pengenalan

**03**
**Klik**
Butang Hantar
Hantar

**04**
Selamat Datang
Email atau No Pendaftaran Haji/PEKTA
Kata Laluan

**05**
**Klik**
Butang Kemaskini
Kemaskini

**Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:**

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play


نهاية عرفات
ARAFAT ENDS HERE
SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T
KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN
Haji & Umrah YangMabrur
Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran